

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO'
AZUMU [TAMBUN]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan dan seterusnya menjamin sekuriti makanan terutamanya di masa-masa kecemasan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha mengurangkan kebergantungan negara terhadap import makanan dan seterusnya menjamin sekuriti makanan terutamanya di masa-masa kecemasan atau krisis, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) antara lain mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) Merencanakan aktiviti pengeluaran makanan dan meningkatkan produktiviti dengan pemberian subsidi / insentif input dan penyediaan khidmat nasihat teknikal;
- (ii) Meningkatkan keberkesanan pengeluaran dengan menambahbaik infrastruktur dan kemudahan seperti jalan dan fasiliti ladang, pengaliran dan saluran kawasan sawah padi serta kompleks dan jeti pendaratan ikan;

SOALAN NO : 39

- (iii) Meningkatkan kecekapan rantai bekalan dan logistik melalui kemudahan pusat pengumpulan, penyimpanan, pemprosesan dan pengedaran;
- (iv) Memperluas akses pasaran pengusaha tani melalui outlet pemasaran seperti pasar tani, pasar nelayan, Agrobazaar dan MyFarmOutlet serta menggalakkan penyertaan usahawan dalam platform e-dagang seperti Agrobazaar Online, NEKMATBIZ dan platform kerjasama strategik dengan pihak swasta seperti Lazada dan Shoppe;
- (v) Melahirkan tenaga kerja yang kompeten dan berdaya saing melalui Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan;
- (vi) Menggalakkan penyertaan golongan muda melalui Program Agropreneur Muda dengan geran *in-kind* dan skim pembiayaan serta latihan teknikal;
- (vii) Menggalakkan aplikasi teknologi moden seperti fertigasi, kilang tanaman, penggunaan dron, sistem pertanian pintar, *artificial intelligence* (AI), *big data* dan *internet of things* (IoT); dan
- (viii) Melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan input pertanian seperti benih dan baka yang mempunyai daya tahan dan kerintangan yang tinggi kepada cuaca melampau dan racun perosak.

2. Namun begitu, Malaysia masih perlu mengimport komoditi seperti input pertanian, sayur-sayuran beriklim sederhana (gandum, bawang dan ubi kentang) dan buah-buahan beriklim sederhana (epal, oren dan anggur) kerana komoditi tersebut adalah tidak ekonomik untuk dihasilkan di dalam negara.

Sekian, terima kasih.